

Rujukan : USM 86/11 JLD.XXXI

Tarikh : 10 Disember 2018

Semua Dekan dan Pengarah  
Pusat Pengajian/Pusat/Institut  
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan

**Bangunan Canselor**  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 46/2018: STATUS DAN PELANTIKAN AHLI MAJLIS  
PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT BERDASARKAN PERLEMBAGAAN UNIVERSITI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan, merujuk kepada Bahagian IV – Seksyen 30(1)(c) Perlembagaan Universiti telah memperuntukkan bahawa semua ahli akademik sepenuh masa Universiti akan secara automatiknya menganggotai Majlis Pusat Pengajian/Institut/Pusat masing-masing seperti klausula berikut:

- "30. (1) *Setiap Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah menubuhkan Majlis Akademik yang terdiri daripada —*
- (a) *Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian itu, atau Ketua Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu sebagai Pengerusi;*
  - (b) *Sebaua Timbalan Dekan dan Pengerusi rancangan akademik dan penyelidikan; dan*
  - (c) *Sebaua ahli akademik sepenuh masa Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu.*
- (2) *Kuorum bagi Majlis Akademik hendaklah satu pertiga daripada Ahli Majlis Akademik.*
- (3) *Majlis Akademik boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk pelajar, untuk menghadiri mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat Majlis Akademik dan mempunyai hak melihat mana-mana bahagian minit mesyuarat sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis Akademik.*
- (4) *Majlis Akademik hendaklah menasihati dan membantu Senat berhubung dengan fungsi Senat di bawah Perlembagaan ini."*

3. Untuk makluman, takrifan "ahli akademik" seperti mana dalam Seksyen 2, Perlembagaan USM adalah merangkumi seseorang yang dilantik menjadi pengajar atau penyelidik berdasarkan perlembagaan termasuklah profesor, profesor madya, fello, fello penyelidikan, penolong profesor, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan tutor.

4. Kriteria kelayakan staf akademik sebagai Ahli Majlis adalah berstatus tetap, percubaan, kontrak/FSRS dan guru. Manakala ahli akademik yang berstatus sementara/sambilan, kunjungan, kehormat dan fello tidak layak dilantik sebagai Ahli Majlis.

5. Pelantikan staf akademik sepenuh masa sebagai Ahli Majlis Pusat Pengajian/Pusat/Institut adalah berkuat kuasa dari tarikh lantikan/lapor diri di Pusat Pengajian/Pusat/Institut berkenaan sehingga tamat perkhidmatan mengikut dasar dan peraturan sedia ada Universiti. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum mengenai perkara berikut:

- 5.1 Keanggotaan dalam Majlis secara automatik tergantung jika berlaku mana-mana keadaan berikut (Senat Ke-75 pada 22 Jun 1988):-
- a. Dipinjamkan ke agensi luar;
  - b. Ber cuti belajar/sabatical sama ada di dalam ataupun di luar negeri;
  - c. Diluluskan cuti lain secara rasmi (selain daripada cuti belajar dan sabatical) oleh pihak Universiti untuk tujuan-tujuan tertentu bagi suatu jangka masa melebihi 4 bulan tanpa terputus.

Namun begitu, pengantungan keanggotaan dalam Majlis Pusat Pengajian/Pusat/Institut adalah sementara sahaja dan akan aktif semula secara automatik sebaik sahaja staf tersebut kembali meneruskan tugas di Pusat Pengajian/Pusat/Institut.

- 5.2 Keahlian Majlis boleh luput secara automatik sekiranya berlaku keadaan berikut:
- Penempatan berubah kerana ditukarkan/berpindah PTJ;
  - Tidak lagi menyandang jawatan tertentu (bagi kes lantikan ahli Majlis di atas kapasiti pemegangan jawatan) seperti Dekan/Pengarah

Sekiranya khidmat kepakaran seseorang ahli akademik tersebut masih diperlukan, Majlis Akademik boleh membuat perakuan pelantikan sebagai Ahli Bersekutu.

6. Bagi pelantikan Ahli Majlis dari luar PTJ atau lebih dikenali sebagai Ahli Bersekutu, Pusat Pengajian/Pusat/Institut perlu mengemukakan perakuan kepada urus setia Senat, Bahagian Pengurusan Akademik untuk urusan pelantikan oleh Naib Canselor. Tempoh pelantikan Ahli Bersekutu adalah selama 3 tahun mengikut sesi lantikan Dekan dan Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut. Sekiranya terdapat kekosongan/pelantikan baharu Ahli Bersekutu dalam tempoh tersebut, pelantikan adalah selama baki tempoh yang ada. Bersama ini dilampirkan senarai Majlis Akademik untuk rujukan YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

7. Dengan pemakluman ini, di harap agar semua staf akademik yang layak sebagai Ahli Majlis dapat melaksanakan segala tanggungjawab masing-masing bagi mencapai matlamat Universiti dan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Universiti.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'Memastikan Kelestarian Hari Esok'**

Saya yang menjalankan amanah,

  
[DR. MUSA ALI]  
Pendaftar

Tel: 604-653 3111/2403 | Faks: 604-658 1718 | Emel: [musa@usm.my](mailto:musa@usm.my) / [senat@usm.my](mailto:senat@usm.my)

s.k.

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor  
Akademik dan Antarabangsa

Penasihat Undang-Undang

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Pengurusan Akademik

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Timbalan Pendaftar Kanan  
Kampus Kesihatan/Kampus Kejuruteraan

Semua Setiausaha Majlis  
Pusat Pengajian/Pusat/Institut

**LAMPIRAN HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 46/2018: STATUS DAN PELANTIKAN AHLI MAJLIS  
PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT BERDASARKAN PERLEMBAGAAN UNIVERSITI**

**SENARAI MAJLIS PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT**

BIL	MAJLIS PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT
<b>PUSAT PENGAJIAN</b>	
1	PUSAT PENGAJIAN BAHASA LITERASI DAN TERJEMAHAN
2	PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
3	PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
4	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AEROANGKASA
5	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM
6	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN DAN SUMBER MINERAL
7	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
8	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KIMIA
9	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKANIK
10	PUSAT PENGAJIAN KOMUNIKASI
11	PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH
12	PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN
13	PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN BANGUNAN DAN PERANCANGAN
14	PUSAT PENGAJIAN SAINS FARMASI
15	PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK
16	PUSAT PENGAJIAN SAINS KAJIHAYAT
17	PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN
18	PUSAT PENGAJIAN SAINS KESIHATAN
19	PUSAT PENGAJIAN SAINS KIMIA
20	PUSAT PENGAJIAN SAINS KOMPUTER
21	PUSAT PENGAJIAN SAINS MATEMATIK
22	PUSAT PENGAJIAN SAINS PERGIGIAN
23	PUSAT PENGAJIAN SAINS PERUBATAN
24	PUSAT PENGAJIAN SENI
25	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH PERNIAGAAN
26	PUSAT PENGAJIAN TEKNOLOGI INDUSTRI
<b>PUSAT</b>	
1	PUSAT BIOLOGI KIMIA
2	PUSAT IPV6 TERMAJU NEGARA
3	PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL
4	PUSAT KAJIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN ISLAM
5	PUSAT KAJIAN SAMUDERA DAN PANTAI
6	PUSAT USAHASAMA KECEMERLANGAN REKABENTUK MIKROELEKTRONIK
7	PUSAT KAJIAN KELESTARIAN GLOBAL
8	PUSAT PENYELIDIKAN DADAH DAN UBAT-UBATAN
9	PUSAT PENYELIDIKAN DASAR DAN KAJIAN ANTARABANGSA
10	PUSAT PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN SUNGAI DAN SALIRAN BANDAR
11	PUSAT PENYELIDIKAN WANITA DAN GENDER
12	PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
13	PUSAT TEKNOLOGI PENGAJARAN DAN MULTIMEDIA

**LAMPIRAN HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 46/2018: STATUS DAN PELANTIKAN AHLI MAJLIS  
PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT BERDASARKAN PERLEMBAGAAN UNIVERSITI**

<b>INSTITUT</b>	
1	INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN MOLEKUL
2	INSTITUT PERUBATAN DAN PERGIGIAN TERMAJU
3	INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
4	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN TEKNOLOGI NANO OPTOELEKTRONIK
5	INSTITUT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA
6	INSTITUT FARMASEUTIKAL DAN NUTRASEUTIKAL MALAYSIA